



PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN

PPK102 – PERKEMBANGAN DAN PEMBELAJARAN INSAN

SEMESTER 1, 2018/2019

TAJUK:

**REFLEKSI KAJIAN BERKUMPULAN FILEM ‘I AM ME’
(CHARLIE)**

DISEDIAKAN OLEH:

MUHAMAD SAIFULLAH BIN MUHD YUNUS (142694)
NUR KHAIRUNNISA’ BINTI HARUN (141416)
NURSHAHIRAH BINTI SAFRI (144040)
NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID (141084)

NAMA PENSYARAH:

PROFESSOR MADYA DR ASWATI HAMZAH

TARIKAH PENGHANTARAN:

10 DESEMBER 2018

1.0 Pengenalan

Pendidikan khas ialah satu program yang dibentuk untuk memenuhi keperluan khas pendidikan murid- murid yang berkeperluan khas. Pendidikan khas juga merujuk kepada kepada satu pendekatan, rancangan pendidikan, strategi, kaedah dan teknik untuk mengajar murid- murid istimewa kerana mereka tidak berupaya untuk mencapai target yang sepatutnya daripada program sekolah aliran perdana. Menurut Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992), pendidikan khas adalah satu program pendidikan yang dirancang khas untuk murid- murid istimewa atau luar biasa daripada segi intelek, jasmani, sosial atau emosi. Mereka tidak akan dapat mencapai pertumbuhan dan penyuburan biasa, hinggakan mereka tidak berupaya mendapat faedah sepenuhnya daripada program pendidikan sekolah biasa. Oleh sebab itu, program pendidikan khas menegaskan kepentingan memelihara setiap murid yang mempunyai potensi yang berbeza. Perbezaan potensi ini mewujudkan pelbagai keperluan pendidikan. Murid- murid istimewa ini hendaklah diberi peluang untuk mengikuti satu program pendidikan khas yang bersesuaian dengan potensi mereka. Program pendidikan khas ini akan dapat mengembangkan potensi mereka.

Dalam melahirkan guru yang berkebolehan untuk menyiapkan diri dalam alam persekolahan yang bersuasanakan pendidikan khas maka subjek yang di ambil oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas iaitu PPK 102 – Perkembangan Dan Pembelajaran Insan sangat bersesuaian. Hal ini demikian kerana kursus ini bermatlamat untuk memperkenalkan bidang psikologi perkembangan dan psikologi pembelajaran menerusi tinjauan menyeluruh ke atas penulisan-penulisan dan penyelidikan di dalam kedua-dua bidang ini. Di dalam kursus ini juga pelajar akan membincangkan secara terperinci dan mendalam tentang masalah dan isu-isu terkini yang muncul dalam kedua-dua bidang tersebut dengan memberi penekanan kepada insan yang tidak berkeupayaan dari peringkat bayi sehingga tua. Dalam kursus ini juga mengajar kami bagaimana ingin menganalisis filem dari aspek kognitif, fizikal, emosi dan bahasa. Filem yang dipilih untuk di analisis ialah I AM ME. Filem I AM ME telah ditayangkan secara rasmi pada tahun 1962. Filem ini merupakan arahan Jenni Mason yang menyempurnakan pengajian dramatik BA dari Akademi Muzik dan Drama Kerajaan Scotland (sekarang Royal Conservatoire Scotland), memenangi Teater dalam Hadiah Pendidikan. Sejak itu dia telah menulis dan mengarahkan pelbagai panggung pentas, produksi TIE dan filem pendek untuk pelanggan seperti Police Scotland, NHS Scotland dan Kerajaan Scotland, meneroka sejumlah besar masalah yang pelbagai. Kerja filemnya telah memasukkan 'Someday' -

tiga filem pendek yang dijalin antara satu sama lain, dan 'Pilihan' - sebuah drama dalam talian interaktif inovatif untuk Polis Scotland yang bertujuan untuk golongan muda berusia 11-18 tahun. '**I Am Me**' adalah filem pertamanya, disesuaikan dari permainan panggung yang dia juga menulis dan diarahkan dan yang melawat sekitar Scotland dari 2013-2015. Kami telah menganalisis filem ini dan benar-benar dinikmati setiap minit. Sangat baik ditulis, bertindak hebat dan muzik adalah sempurna. Seperti ramai, saya tidak menyedari sejauh mana Jenayah Hilang Upaya Kebencian, dan berapa banyak jenayah tidak dilaporkan. Ia sememangnya pembuka mata dan sangat memikirkan. Filem yang sangat kuat yang saya sangat mengesyorkan (juga akan mengesyorkan membawa beberapa isu!). Juga, sentuhan kecil yang bagus pada akhirnya! Segala tahniah kepada semua yang terlibat dalam '**I Am Me**', saya berharap dapat melihat filem ini tidak lama lagi. Dalam filem banyak memberi ilmu pengetahuan tentang golongan dan mengkaji psikologi orang kurang upaya terutama autisme dan memberi iktibar kepada kita semua.

WATAK DAN PERWATAKAN

1) Charlie

Charlie merupakan seorang lelaki yang berumur 25 tahun, di mana dia merupakan seorang awal dewasa lelaki yang mempunyai masalah ketidakupayaan iaitu autism. Charlie mengalami konflik dalam hidupnya ketika sejak kecil di mana masa kanak-kanaknya tidak seperti kanak-kanak normal yang lain iaitu dia sentiasa dibuli oleh rakan-rakannya. Charlie mempunyai seorang ibu dan seorang abang. Namun hanya abangnya sahaja yang menjaganya kerana ibunya yang sakit terlantar di hospital. Walaupun Charlie mempunyai masalah autism namun dia melalui masa hidupnya dengan berdikari dan tidak bergantung kepada orang lain. Charlie sangat suka tanam-tanaman dan mengemas buku. Charlie yang pandai mengurus diri sendiri di mana dia menyediakan sendiri sarapan untuknya. Malah Charlie juga tidak suka melihat buku-buku berterburu. Charlie juga seorang yang rajin, di mana dia cuba untuk mencari pendapatan sendiri seperti bekerja di taman tanaman. Charlie juga seorang yang pemurah di mana apabila rakan-rakannya meminta duit daripadanya, dia terus memberi tanpa membantah walaupun niat rakan-rakannya itu tidak baik terhadapnya.

2) Tom (Abang Charlie)

Tom merupakan seorang abang yang bertanggungjawab. Tom sanggup menjaga Charlie walaupun dia tahu Charlie berkelainan upaya iaitu autism, namun sedikit pun dia tidak memandang rendah terhadap adiknya, Charlie. Tom juga seorang yang kuat bekerja. Walaupun dalam menjaga adiknya, Charlie namun tanggungjawabnya sebagai seorang pekerja tidak diabaikan olehnya. Tom juga seorang yang penyabar, di mana dia sentiasa sabar dengan kelakuan dan perangai aneh Charlie yang kadang kala memberontak tanpa sebab, namun sentiasa menenangkan adiknya. Tom seorang yang penyayang, di mana kasih sayangnya terhadap adiknya mendahului daripada teman wanitanya. Tom juga seorang anak yang bertanggungjawab, di mana dia tidak pernah lupakan ibunya yang terlantar di hospital dan sentiasa melawat ibunya.

3) Mary (Jiran Charlie)

Mary merupakan seorang jiran yang prihatin. Dia sentiasa mengambil berat akan Charlie dan sentiasa bertanyakan khabar Charlie apabila abang Charlie, Tom bekerja. Mary juga seorang yang tidak kekok untuk bercakap dengan Charlie kerana dia tahu Charlie seorang yang berkelainan upaya iaitu mengalami masalah autism. Sikapnya yang prihatin dan mengambil berat tersebut memikat hati Tom dan pada akhirnya mereka berkahwin.

4) Johny dan Robert (pembuli dan rakan sebaya Charlie)

Johny dan Robert seorang yang nakal dan juga pembuli tegar. Mereka sentiasa membuli Charlie. Sikapnya yang sentiasa membuli Charlie tersebut kerana mereka tahu Charlie tidak akan bertindak membala atau sebagainya kerana mereka tahu Charlie mengalami masalah autism. Mereka juga sentiasa mengambil kesempatan ke atas Charlie, di mana mereka akan meminta duit pada Charlie untuk keseronokan mereka kerana mereka tahu yang Charlie bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri. Mereka juga mempunyai sikap tidak belas kasihan, di mana mereka merosakkan tanaman di hadapan laman rumah Charlie. Mereka juga cuba untuk merosakkan sijil penghargaan yang Charlie dapat daripada majikannya kerana menunjukkan prestasi yang baik di tempat kerja.

ASPEK PERKEMBANGAN DAN PEMBELAJARAN

1) Kognitif

Perkataan kognitif berasal daripada perkataan Latin iaitu ‘cognitio’ yang bermaksud ‘to know’ iaitu mengetahui atau memahami. Manakala perkembangan kognitif pula adalah berkaitan dengan keupayaan seseorang individu mengumpul maklumat dan menyelesaikan masalah. Ia juga melibatkan aktiviti mental seperti ingatan, mengkategorisasi, merancang, menaakul, menyelesaikan masalah, mencipta, berimajinasi dan lain-lain. Kemahiran kognitif ini penting untuk kelangsungan hidup seseorang individu. (Borich & Tombari, 1995) menjelaskan gaya kognitif adalah cara individu memproses dan berfikir perkara yang dipelajarinya. Dalam filem ‘I Am Me’ Charlie bertindak membuat sesuatu perkara seperti membuat sarapan sendiri, mengemas buku, mengemas laman seperti mana dia mempelajari aktiviti tersebut sejak dari kecil. Selain itu, (Lourdusamy, 1994) menyatakan bahawa gaya kognitif ialah satu konsep *unidimensi dwipolar (bipolar)* di mana setiap pola mempunyai nilai positif dalam keadaan tertentu.

Kognitif telah ditemui dua gaya iaitu gaya kognitif impulsif dan gaya kognitif reflektif (Kogan, 1983). Gaya kognitif impulsif merupakan gaya yang menjadikan seseorang dapat bekerja dengan cepat tetapi membuat banyak kesilapan. Di mana mereka belajar mengikut ‘mood’ atau ikut ‘gerak hati’ mereka. Kajian menunjukkan bahawa seseorang yang impulsif akan menjadi reflektif apabila umurnya bertambah atau apabila dia semakin membesar (Borich & Tombari, 1997). Ini dapat dilihat pada watak Charlie dalam filem ‘I Am Me’, di mana Charlie membuat sesuatu pekerjaan dengan cepat seperti membuat sarapan, akan tetapi dia tidak dapat mengawal pergerakannya dengan baik sehingga pergerakannya sedikit kelam kabut untuk menyelesaikan sesuatu perkara. Selain itu, gaya kognitif reflektif pula ialah gaya yang menjadikan seseorang lambat dalam menyiapkan sesuatu tugas yang diberi tetapi membuat sedikit sahaja kesilapan. Mereka di sini lebih mementingkan ketetapan jawapan atau kesempurnaan sesuatu tugas daripada menepati masa yang ditetapkan. Perasaan kurang yakin juga menyebabkan seseorang lambat menyiapkan tugas.

Ini dapat dilihat pada watak Charlie, di mana Charlie seorang yang teratur dalam membuat sesuatu seperti menyusun buku. Charlie melihat ketetapan menyusun buku tersebut dengan megambil kira saiz dan kedudukan sehingga menjadikan perlakuannya agak sedikit lambat untuk menyiapan tugas tersebut. Tetapi tugas tersebut sangat sempurna dan kemas.

2) Sosial Emosi

Sosio emosi merujuk kepada keupayaan seseorang menjalankan hubungan dengan orang lain. (Daniel Doleman) menyatakan bahawa sosio emosi merupakan sesuatu perasaan dan pemikiran tersendiri di bawah keadaan psikologikal dan biologikal, serta ada kecenderungan yang berbeza-beza untuk bertindak. (Albert Bandura, 1986) menyatakan keupayaan kendiri merupakan keyakinan individu dalam melakukan sesuatu aktiviti dan keupayaan kendiri ini merupakan perkara yang sangat penting dalam perkembangan sosio-emosi. Secara keseluruhannya, kebanyakan tokoh-tokoh berpendapat bahawa seseorang perlu didedahkan mengenai kesedaran dan pengurusan kendiri, pencapaian emosi yang positif, kesedaran tentang keperluan, perasaan dan pandangan orang lain, pembinaan kemahiran sosial dan pembinaan keyakinan menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian.

Teori perkembangan sosio-emosi yang diperkenalkan oleh Erik Erikson menyatakan bahawa setiap peringkat tingkah laku positif dan negatif akan timbul yang menyebabkan penyesuaian psikologikal kerana konflik emosinya dan terdapat beberapa konflik serta ciri-cirinya dari peringkat bayi sehingga tua. Antara ciri-ciri perkembangan emosi awal dewasa (21-25 tahun) ialah berusaha terus mencari identiti, berusaha membentuk ikatan kemesraan dan sesetengah individu yang gagal kerana pengalaman kecewa dan terasing.

Sebagai contoh, ini dapat dilihat pada watak Charlie di mana Charlie berusaha mencari identiti barunya pada usia awal dewasa. Charlie berusaha untuk berdikari walaupun keupayaannya yang berlainan daripada manusia normal. Charlie juga berusaha bangkit dari pengalaman hidup zaman kanak-kanaknya yang terasing dan terus di buli oleh rakan-rakannya. Selain itu, walaupun Charlie berkelainan upaya iaitu mengalami masalah autism, namun tidak menjadi penghalang untuk dirinya melakukan pengurusan yang berkaitan dengan dirinya seperti menyediakan sarapan, mengemas buku, tempat tidur, membersihkan laman dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa tahap psikologikal Charlie berada di tahap positif sehingga menjadikan dia seorang yang bertingkah laku mengikut kesesuaian dengan dirinya.

3) Bahasa (Komunikasi)

Bahasa adalah atau bentuk komunikasi sama ada verbal atau non verbal. Bahasa mengandungi perkataan-perkataan yang digunakan oleh sesebuah komuniti dengan peraturan tatabahasa dan pertbaharaan kata yang tertentu. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996, 87), bahasa ialah sistem lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat perhubungan dalam lingkungan satu kelompok manusia (antara seorang individu yang lain dan sebagainya). Daripada simbol-simbol spesisifik, ia dapat membentuk perkataan dan frasa yang mempunyai tatabahasa yang spesifik (Santrok, 2012). Dengan demikian jelaslah bahawa bahasa itu mempunyai sistem yang terdiri daripada bunyi-bunyi, bersifat arbitrary, dipelajari dan bukan diwarisi serta sebagai satu alat komunikasi.

Teori dalam kemahiran bahasa dijelaskan dalam tiga persepektif iaitu, perspektif behavioris. Di mana mengikut mazhab behavioris, peneguhan pentingan dalam perkembangan bahasa. Menurut Skinner (1957), ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menyediakan pertbaharaan kata yang betul kepada anak-anak. Manakala daripada perspektif kognitif pula ialah perkembangan kognitif dan bahasa seseorang tidak berkembang dalam suatu situasi sosial yang hampa. Vygotsky (1896), memandang bahasa sebagai alat utama untuk interaksi sosial, pemindahan budaya dan menjana pemikiran individu. Dan akhir sekali, daripada perspektif Natavis, di mana ia berdasarkan kepada perkembangan otak yang lebih cendurang melihat perkembangan bahasa berlaku secara dalaman dan diwarisi.

Namun dalam filem I Am Me, Charlie mengalami masalah dalam berkomunikasi antara orang di sekelilingnya melainkan dengan orang yang rapat dengannya sahaja. Ketika berkomunikasi, Charlie lebih suka memandang ke bawah dan tidak bertentang mata dengan orang yang bercakap dengannya. Hal ini menjadikan penumpuan Charlie terbatas dan menyebabkan mereka yang bercakap dengan Charlie tidak dapat menangkap apa yang ingin disampaikan oleh Charlie. Charlie juga mempunyai masalah berkomunikasi di mana apabila Charlie bercakap, pertuturnya sedikit laju dan kebanyakannya Charlie menggunakan perkataan berulang (sama). Ini dapat menunjukkan bahawa Charlie mempunyai masalah dalam kemahiran bahasa dan berkomunikasi.

4) Fizikal

Perkembangan fizikal merujuk kepada perubahan saiz fizikal, kadar pertumbuhan bahagian-bahagian badan, fungsi anggota-anggota badan dan perawakan manusia (Woofolk & Margetts, 2007). Semasa pembesaran, seseorang akan mengalami perubahan dalam ketinggian, berat badan menjadi lebih kuat dan dapat melibatkan diri dalam kegiatan fizikal yang lebih kompleks. Perubahan-perubahan ini mempengaruhi tingkah laku seseorang secara langsung dan tidak langsung (Hurlock. 1978). Secara langsung perkembangan fizikal menentukan kebolehan seseorang untuk melakukan sesuatu, contohnya berkeupayaan dalam bersaing dengan rakan sebaya dalam sukan atau permainan dan sebagainya. Manakala secara tidak langsung pula ialah perkembangan fizikal mempengaruhi keyakinan terhadap diri sendiri dan orang lain, di mana seseorang yang disisih daripada kumpulan mungkin mempengaruhi perkembangan personalitinya.

Pertumbuhan, kemahiran psikomotor, struktur badan dan otak menjadi asas kepada perkembangan kognitif dan emosi. Di dalam filem I Am Me, Charlie telah melalui perkembangan fizikal, kemahiran psikomotor dan lain-lain. Di dalam file mini, Charlie melalui perkembangan fizikalnya seperti manusia normal di mana struktur badannya yang normal. Namun, Charlie mempunyai masalah dalam mengimbangi badannya, di mana Charlie suka menggoyangkan badannya ke belakang dan ke hadapan. Charlie juga bertindak aneh apabila seseorang memarahinya atau merampas sesuatu objek daripadanya seperti Charlie akan menekup muka, menutup telinga dengan kedua belah tangannya dan kadang-kala menampar-nampar telinganya seperti memberontak.

Selain itu, Charlie juga mempunyai masalah dalam menguasai kemahiran psikomotor. Di mana tangan Charlie akan menggeletar apabila memegang sesuatu objek. Seperti ketika Charlie ingin membuat sarapan untuk dirinya, ketika memegang roti, tangannya menggeletar dan tidak dapat mengimbangi kedudukan roti tersebut dengan baik.

Dengan demikian bimbingan dan dorongan dalam menguasai perkembangan bahasa dan perkembangan dalam kemahiran psikomotor sangat penting kerana ianya dapat memberi kebolehan kepada seseorang untuk menggunakan sepenuhnya anggota tubuh badan, otot, dan koordinasi badan untuk meneruskan kelangsungan dalam kehidupan.

Teori Yang Dapat Dikaitkan

Antara teori yang dapat dikaitkan dengan filem ‘I AM ME’ ialah Teory of minds. Dibawah teori ini, penting yang berkait rapat dengan Charlie yang mempunyai masalah autisme

Teori of minds (page 229 life span development)

Teori yang saya dapat kaitkan dengan filem ini iaitu teori of mind, yang berkait rapat dengan autism. Penelitian dalam psikologi merupakan satu bidang utama penerapan teori of minds. Autisme adalah satu gangguan jiwa yang paling teruk dalam zaman perkembangan. Gejala ini menceritakan tentang komunikasi sosial ,bahasa dan sebagainya. Teori of Mind ini merujuk kepada kemampaun kognitif seseorang untuk memahami dari pelbagai aspek . Selain itu ,TOM menyatakan bahawa individu yang mengalami autism spektrum disorder. Menurut Shukla dan other 2011 , ‘life span development’ ASD bermaksud merujuk kepada kerosakan di bahagian otak individu autisme akan menunjukkan tingkah laku yang berbeza dengan manusia normal biasa ,terutama interaksi sosial dan dan komunikasi. selain itu ,Charlie akan membuat pengulangan apa yang dia suka. Contohnya Charlie selalu menyebut ‘I love gardening’ dengan banyak kali. Refleksinya, terbukti bahawa Charlie hanya bergaul dengan orang yang rapat dengannya sahaja. Oleh itu bantuan kepada golongan dengan orang rapat dengan dia dapat menggunakan teori scaffolding .

The Faces of love (life span development ms 457)

Ia mengatakan bahawa setiap dewasa akan mempunyai perasaan cinta dan mudah tertarik kepada pada seseorang yang berlainan jantina . hal ini ditunjukan oleh abang charile yang selalu keluar dengan teman wanitanya. selain itu ,seseorang dewasa itu akan mencari peluang untuk menjalinkan hubungan dengan seseorang itu. Contohnya jiran Charlie selalu singgah di hadapan rumah Charlie dan mengambil berat tentang Charlie dan bertanya juga tentang abang Charlie dan akhirnya jiran tersebut berkawin dengan abang Charlie. Charlie juga apabila di tempat kerja menunjukan seorang wanita dewasa mempunyai perasaan cinta dan suka kepada Charlie . wanita tersebut selalu memerhatikan Charlie di tempat charlie berkerja. Namun perasaan tersebut tidak diendahkan oleh Charlie kerana Charlie seorang autisme yang tidak mempunyai perasaan dan bersosial.

kAEDAH PENGAJARAN YANG SESUAI DIGUNAKAN

1.1. Analisis tugas (Task Analysis)

Pendekatan analisis tugas melibatkan taburan kemahiran komponen atau langkah langkah mudah yang boleh dikuasai dan dipelajari oleh golongan autisme .kaedah analisis dapat membantu guru untuk mengajar kemahiran ,menyediakan latihan yang konsisten dan mengikut tahap pencapaian .hal ini menyebabkan pelajar dapat melakukan sesuatu kemahiran yang sesuai diajar kepada murid murid mengikut kebolehan mereka ,guru guru membuat pemerhatian dan penilaian apabila pelajar telah menguasai kemahiran yang diajar.guru membuat penyesaian mengikut kelemahan mereka atau keupayaan pelajar.

.

1.2.Belajar melalui bermain

Belajar melalui pendekatan bermain juga ditekankan dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas untuk keperluan kanak kanak melalui aktiviti belajar melalui bermain kana kanakautisme boleh melakukan penerokaan, penemuan dan pembangunan berdasarkan pengalaman dengan rasa kegembiraan dan keseronokan selain keseronokan, pendekatan ini boleh meningkatkan kemampuan kognitif dan memuaskan rasa ingin tahu, kawalan psikomotor, kemahiran berfikir dan juga emosi. Belajar melalui bermain melipuu pelaksanaan pembelajaran yang terdedah kepada aktiviti alam sekitar yang menyeronokan dan kreatif.

1.3.Pegajaran tema

Pengajaran bertema juga digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar pendidikan khas. Pemilihan topik atau tema mestilah bersesuaian dengan pengajaran persekitaran pelajar harus memilih tema atau tajuk berdasarkan tahap pelajar keadaan pelajar atau peristiwa tertentu,slaing berkaitan dengan pengalaman yang sedia ada dan baru diambil alih dengan teratur dan sistematik .tema yang perlu mengadakan dari yang mudah kepada yang sukar dan umum kepada yang lebih khusus.

1.4. Pembelajaran melalui pengalaman

Pembelajaran melaui pengalaman adlaah berdasarkan kesediaan dan keupayaan seseorang kanak kanak autism.pendekatan ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk menilai keupayaan mereka sendiri dan meningkatkan keyakinan diri mereka

.mereka juga belajar dengan lebih baik kerana mereka akan terdedah kepada aktiviti tersebut .untuk melaksanakan kaedah ini, setiap sekolah perlu memilih suanana yang positif untuk pembelajaran .perlu memastikan sumber itu mudah mendapatkan untuk belajar, berkongsi perasaan dan pemikiran dengan pelajar tanpa kawalam dan menguasai mereka di akhir aktiviti.

1.5.Latihan Kemahiran Kerja

Kemahiran latihan kerja perlu didedahkan kepada pelajar pelajar pendidika khas matlamat latihan ini adalah untuk memberi latihan peribadi komunikasi, sosialisasi dan kemahiran asas yang berkaitan dengan perkerjaan dalam hidup latihan kemahiran kerja boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu dalamam, luaran dan latihan sebenar kerja. Dengan kemahiran ini murid murid autisme mungkin mendapat pekerjaan pada masa hadapan

1.6.Teknik Pengajaran Scaffolding

Strategi pengajaran scaffolding diwujudkan oleh Lev Semenovich Vygotsky menerusi teori beliau iaitu teori konstruktivisme. Scaffolding didefinisikan sebagai bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh orang dewasa kepada anak-anak semasa mereka cuba menyelesaikan masalah di luar pengetahuan mereka secara bersendirian. Dengan kata lain, scaffolding merupakan bantuan yang diberikan oleh guru kepada murid supaya murid dapat menyiapkan tugas yang gagal diselesaikan bersendirian.

Kesimpulan

Guru pendidikan khas perlu memperbanyakkan meluangkan masa bersama dengan kanak- kanak autisme dalam membantu kanak- kanak itu untuk terus maju dalam kehidupan seharian dan meningkatkan keyakinan diri penghidap austisme di samping itu menjadi panduan kepada mereka apabila menghadapi masalah.

Keperluan pembelajaran yang efektif bagi murid- murid autisme adalah melibatkan kawalan tingkah laku yang kurang sesuai dan kemahiran komunikasi dan sosial. Sebenarnya murid – murid autisme dapat dididik. Keunikan corak pembelajaran mereka disebabkan ketidakupayaan kognitif untuk memproses sesuatu maklumat. Ketidakupayaan ini dapat diatasi dengan mengadakan rangsangan. Program pembelajaran yang berstruktur yang lebih bercorak kearah analisis tingkah laku dan menggalakkan penggunaan pertuturan dan komunikasi.

Autisme tidak boleh boleh menjadi boleh diubati tetapi boleh mengurangkan kesan kesannya. Selain itu, terdapat beberapa teori mengenai punca ASD ,terdapat banyak autisme yang berbeza tingkah laku yang berbeza.Kanak –kanak autisme biasanya defisit dalam pertuturan ,bahasa ,intergrasi deria, interaksi sosial , dan pemprosesan kognitif. Diagnosis awal dan latihan awal kepada golongan ini istimewa ini adalah kunci untuk meningkatkan tahap perkembangan mereka.Autisme juga ditakrifkan sebagai masalah sosial terutama yang perlu dihadapi dalam keluarga,dan ia bukan masalah kognitif yang dapat dibetulkan di sekolah dan mana mana terapi.Hakikatnya ibu bapa yang tidak mempengaruhi perkembangan anak anak dan hanya mengharapkan bantuan dari sekolah sahaja untuk mengembangkan perkembangan anak anak mereka..Oleh itu,para professional dan ibu bapa perlulah berkerjasama untuk melakuka sesuatu perubahan kepada golongan istimewa ini.Tanggungjawab dan kerjsama ini penting yang dihadapi oleh golongan ini mengenai autism adalah boleh untuk meningkatkan prestasi autism setaraf dengan murid normal dan boleh jadi lebih daripada itu.